

**ILUSTRASI DALAM BUKU TEKS BAHASA MALAYSIA
TAHUN DUA SEPANJANG TAHUN 1974-1984**

oleh

QHAIRUNNISA BINTI AZIZ

**Tesis yang diserahkan untuk memenuhi keperluan bagi
Ijazah Sarjana Sastera Seni Halus
Rekabentuk Grafik**

Februari 2015

PENGHARGAAN

Bersyukur kehadiran Ilahi kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, penulis akhirnya berjaya menyiapkan tesis setelah menjalani beberapa siri kajian dan pemerhatian dalam menghasilkan penulisan ilmiah ini bagi memenuhi keperluan Ijazah Sarjana di Fakulti Seni dalam bidang Rekabentuk Grafik, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

Disini penulis ingin merakamkan berbilang-banyak terima kasih dan setinggi penghargaan khasnya kepada Prof. Madya A. Rahman Mohamed selaku penyelia sepanjang tempoh pengajian di Pusat Pengajian Seni USM. Segala tunjuk ajar dan kesabaran tuan mendidik saya amat dihargai dan akan saya kenang sampai bila-bila. Tak lupa juga kepada para pensyarah dari Pusat Pengajian Seni yang serba sedikit memberikan dorongan dan nasihat sepanjang penyelidikan dan penulisan ini dijalankan.

Juga ribuan terima kasih saya ucapkan untuk suami yang banyak bersabar sepanjang penulisan ini berjalan, kedua ibu bapa saya yang sering mendoakan dan tak lupa juga kepada orang perseorangan dan beberapa kumpulan kakitangan Bahagian Buku Teks di Kementerian Pelajaran Malaysia dan Pusat Dokumentasi Dewan Bahasa dan Pustaka atas bantuan yang tak terkira. Akhir kata, moga Allah sahaja yang dapat membalas jasa-jasa kalian. Sekian, Terima kasih.

ISI KANDUNGAN

	Muka surat	
PENGHARGAAN	ii	
ISI KANDUNGAN	iii	
ABSTRAK	vi	
ABSTRACT	vii	
BAB SATU : PENGENALAN		
1.0	PENGENALAN UMUM	1
1.1	LATAR BELAKANG KAJIAN	4
1.2	PERNYATAAN MASALAH	5
1.3	DEFINISI ISTILAH	9
1.3.1	ILUSTRASI	9
1.3.1.1	ELEMEN ASAS REKA BENTUK	10
1.3.1.2	PRINSIP ASAS REKA BENTUK	12
1.3.2	BUKU TEKS	14
1.3.3	BAHASA MALAYSIA	14
1.3.4	SEKOLAH RENDAH	15
1.4	OBJEKTIF KAJIAN	15
1.5	PERSOALAN KAJIAN	17
1.6	SKOP KAJIAN	18
1.7	KEPENTINGAN KAJIAN	19
1.8	RUMUSAN	20

BAB DUA : KAJIAN LITERATUR

2.0	PENGENALAN	22
2.1	SEJARAH PERKEMBANGAN ILUSTRASI	23
2.2	ILUSTRASI DI MALAYSIA	24
2.3	ILUSTRASI DALAM BUKU KANAK-KANAK	25
2.4	BENTUK-BENTUK PENYAMPAIAN ILUSTRASI	30
2.5	FUNGSI-FUNGSI ILUSTRASI	31
2.5.1	FUNGSI ILUSTRASI MENURUT TEORI PERSEPSI	34
2.5.2	FUNGSI ILUSTRASI MENURUT TEORI PEMBELAJARAN	35
2.6	BUKU TEKS	36
2.6.1	ILUSTRASI DALAM BUKU TEKS	39
2.6.2	KAJIAN ILUSTRASI DALAM BUKU TEKS	41
2.7	BAHASA MALAYSIA	43
2.8	SEKOLAH RENDAH	44
2.9	RUMUSAN	45

BAB TIGA : KAJIAN METODOLOGI

3.0	PENGENALAN	46
3.1	REKABENTUK KAJIAN	46
3.2	PROSUDER KAJIAN	47
3.3	KAEDAH KAJIAN	52
3.3.1	KAEDAH DOKUMEN	53
3.3.1.1	DOKUMEN UTAMA	53
3.3.1.2	DOKUMEN SEKUNDER	53

3.3.2	KAEDAH TINJAUAN TEKNIK TEMUBUAL	54
3.3.2.1	TEMUBUAL BERSTRUKTUR	55
3.3.2.2	TEMUBUAL SEMI BERSTRUKTUR	55
3.3.2.3	TEMUBUAL TIDAK BERSTRUKTUR	56
3.4	ANALISIS DATA	58
3.4.1	ELEMEN ASAS VISUAL	59
3.4.1.1	GARISAN	59
3.4.1.2	WARNA	60
3.4.1.3	RUPA	61
3.4.1.4	BENTUK	61
3.4.1.5	JALINAN	62
3.4.1.6	RUANG	62
3.4.2	JENIS-JENIS ILUSTRASI	63
3.4.2.1	LUKISAN DAN CATAN	63
3.4.2.2	LAKARAN	64
3.4.2.3	GRAF DAN CARTA	64
3.4.2.4	GAMBAR FOTO	64
3.4.2.5	KARTUN / KOMIK	65
3.5	KRITERIA BUKU TEKS BAHASA MALAYSIA	65
3.6	RUMUSAN	66

BAB EMPAT : ANALISIS DATA

4.0	PENGENALAN	67
4.1	PERSEMBAHAN KANDUNGAN BUKU TEKS 1974	68
4.1.1	ILUSTRASI BAHAGIAN KULIT BUKU	68
4.1.2	ILUSTRASI PERMULAAN SETIAP BAB	70
4.1.3	JENIS ILUSTRASI DALAM SETIAP BAB	80
4.2	PERSEMBAHAN KANDUNGAN BUKU TEKS 1984	80
4.2.1	ILUSTRASI BAHAGIAN KULIT BUKU	81
4.2.2	ILUSTRASI PERMULAAN SETIAP BAB	82
4.2.3	JENIS ILUSTRASI DALAM SETIAP BAB	96
4.3	RUMUSAN	101

BAB LIMA : PERBINCANGAN

5.0	PENGENALAN	104
5.1	PENGGUNAAN ELEMEN VISUAL DALAM BUKU TEKS	105
5.2	JENIS PENGGUNAAN ILUSTRASI DALAM BUKU TEKS	107
5.3	RAGAM ILUSTRASI DALAM BUKU TEKS	108
5.4	RUMUSAN DAN CADANGAN	110

SENARAI RUJUKAN	112
------------------------	-----

LAMPIRAN

SKRIP SOALAN TEMUBUAL	116
-----------------------	-----

ILUSTRASI DALAM BUKU TEKS BAHASA MALAYSIA TAHUN DUA SEPANJANG TAHUN 1974-1984

ABSTRAK

Kertas ini membincangkan ilustrasi yang diguna pakai dalam buku teks Bahasa Malaysia terbitan Kementerian Pelajaran Malaysia untuk sekolah rendah di Malaysia yang digunakan oleh pelajar tahun dua sepanjang tahun 1974 hingga 1984. Sasaran penyelidikan ini ialah untuk melihat elemen dan jenis grafik yang digunakan di dalam buku teks pada zaman pra-desktop. Dalam tatacara mengumpul maklumat dan data, kajian menggunakan kaedah kualitatif iaitu kajian pustaka dan temubual. Kandungan ilustrasi yang diguna pakai dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan. Laporan hasil kajian meliputi aspek ilustrasi pada kulit buku, ilustrasi permulaan dalam setiap bab dan ilustrasi di bahagian bab latihan. Dapatan kajian memberi gambaran bahawa penggunaan ilustrasi dalam tempoh masa sepuluh tahun itu menunjukkan kekerapan tertinggi pada buku terbitan tahun 1974 adalah dari aspek elemen warna berbeza dengan buku terbitan 1984 lebih banyak menggunakan elemen garisan . Jenis-jenis grafik dalam buku teks menunjukkan buku terbitan tahun 1974 hanya menggunakan catan daripada cat air sahaja berbeza dengan buku terbitan 1984 yang menggunakan pelbagai jenis persembahan grafik seperti lukisan, lakaran, gambar foto dan komik.

ILLUSTRATION IN BAHASA MALAYSIA'S TEXTBOOK FOR STANDARD TWO FROM 1974-1984

ABSTRACT

This paper discusses about the illustrations used in Bahasa Malaysia textbook that was published by the Ministry of Education Malaysia for standard two students in primary schools from 1974 to 1984. The aim of this research is to evaluate the different aspects of graphic elements used during this pre-desktop era. The data is collected via interviews and also the library search using qualitative methodology. Summaries of the contents were analyzed thoroughly and elaborated in details using content analysis. This reseach consists of findings from researches done on the illustrations on the book cover, illustrations in the beginning of every chapter, and illustrations part in training chapter. This reseach found that in a period of ten years, most frequently used illustration of text book printed in 1974 was colour element compared to 1984 which is element of line with addition of variety of graphic. Text book printed in 1974 only used painting from water color compared text book in 1984 which is used painting, sketch, photograph and comic.

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pengenalan Umum

Buku merupakan salah satu sumber penyebaran ilmu. Penyebaran ilmu yang berkesan memerlukan penerbitan buku-buku yang mantap dan mampu menyampaikan maklumat kepada setiap setiap pembacanya. Sebagai salah satu medium penyampaian maklumat, buku yang dihasilkan harus berkualiti dan menepati kehendak pasaran. Buku juga dikaitkan sebagai sumber pembelajaran utama dalam pendidikan awal untuk kanak-kanak (Mahzan Arshad, 2007). Bertitik tolak dengan kesedaran betapa pentingnya buku di dalam dunia pendidikan awal kanak-kanak, penyelidik memilih untuk menjalankan penyelidikan mengenai buku dan tumpuan difokuskan kepada ilustrasi di dalam buku teks sekolah.

Melalui bab ini, penyelidik akan membincangkan antaranya mengenai latar belakang kajian dari segi visual dan ilustrasi serta kepentingannya dalam pembacaan buku serta menyentuh secara sedikit mengenai penggunaan buku teks di sekolah, diikuti dengan pernyataan masalah, definisi tajuk, objektif, persoalan, skop dan kepentingan kajian yang dijalankan.

Dalam penerbitan buku untuk kanak-kanak, antara faktor penting yang selalu dilihat ialah dari segi visual dan ilustrasinya. Sudah menjadi lumrah kanak-kanak sememangnya mereka akan lebih tertarik untuk membaca sekiranya bahan tersebut

disertakan dengan gambar daripada teks yang kosong. Apabila melihat dari konteks kanak-kanak, setiap ilustrasi yang disampaikan harus sesuai dengan tahap pemikiran mereka. Sebagai bahan bantu dari aspek visual literasi, ilustrasi dalam buku juga memberi gambaran perkataan yang belum dapat mereka fahami. Kepentingan ilustrasi memang tidak dapat dinafikan terutamanya dalam penghasilan buku untuk kanak-kanak.

Ilustrasi dalam buku kanak-kanak berfungsi untuk menggambarkan dengan lebih jelas lagi tentang maklumat yang ingin disampaikan selain menggambarkan bayangan dan gambaran awal untuk menarik perhatian mereka terhadap teks yang ditulis. Ilustrasi juga boleh membantu kanak-kanak dari segi pemahaman, menarik minat dan mengingati isi kandungan yang dipersembahkan (Greenhoot & Semb, 2008). Justeru, dalam penyelidikan ini, penyelidik akan meneliti penggunaan grafik dari segi ilustrasi untuk buku kanak-kanak yang difokuskan pada buku teks untuk sekolah rendah sahaja.

Buku teks merupakan alat bantu mengajar utama yang digunakan semasa pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, buku teks ialah kandungan pelajaran yang diterbitkan berdasarkan kurikulum pelajaran dalam sesebuah negara. Penyelidikan mengenai buku teks telah banyak dijalankan baik di dalam negara mahupun di luar negara. Sebagai contoh, (Kwak, 2000), (Park, 2006), (Liew, 2007), (Watt, 2009), (Nugroho, 2010), dan banyak lagi. Akan tetapi penyelidikan mengenai jenis-jenis penggunaan dan elemen ilustrasi yang digunakan dalam buku teks masih kurang dijalankan di negara ini. Kajian tentang ilustrasi dalam buku teks ini perlu kerana menerusi buku teks kanak-kanak dapat mempelajari perkara yang diajar guru dengan

lebih berkesan sekiranya ilustrasi yang disertakan dengan teks dapat membantu pemahaman dan bahannya menepati peringkat umur pembaca.

Munculnya ilustrasi sebagai daya tarik dalam buku bukanlah suatu perkara yang baru, tidak hanya berfungsi sebagai daya tarik, ilustrasi juga berperanan penting dalam menjelaskan makna di sebalik teks yang disampaikan. Ilustrasi dalam buku harus sesuai dengan "*target audiens*" yang disasarkan. Buku yang dibaca harus berupaya menyampaikan maksud daripada teks yang ditulis. Secara amnya penggunaan ilustrasi untuk kanak-kanak haruslah bewarna dan berbeza penyampaiannya dengan ilustrasi yang digunakan dalam bahan bacaan orang dewasa. Selain digunakan dalam buku, ilustrasi juga sering digunakan dalam penyampaian risalah, poster, iklan mahupun media cetak yang lain.

Bagi negara Malaysia, ilustrasi dalam buku teks sedikit sebanyak memainkan peranan untuk menyemai semangat perpaduan sesama kaum. Hal ini kerana, sukatan pelajaran dalam buku teks menekankan matlamat pendidikan demi memastikan perkembangan pelajar yang memuatkan perpaduan sesama masyarakat, rukun negara, masyarakat penyayang seiring dengan wawasan 2020. Dengan demikian, buku teks yang bermutu untuk kanak-kanak sekolah rendah harus lengkap dengan kepelbagaian ilustrasi yang dapat memberi pelajar maklumat-maklumat penting untuk kegunaan pembelajaran mereka.

1.1 Latar Belakang Kajian

Grafik sangat berguna dalam proses pendidikan. Proses pembelajaran yang berkesan memerlukan elemen grafik digunakan sebagai salah satu medium penyampaian maklumat. Antara aspek terpenting dalam penggunaan reka bentuk grafik dalam sesebuah buku ialah visual dan ilustrasi yang baik. Melalui bantuan ilustrasi yang selari dengan teks dapat memudahkan pelajar untuk memahami teks yang ingin disampaikan kerana penggunaan ilustrasi dianggap sebagai pelengkap kepada teks yang menerangkan makna secara visual.

Penggunaan grafik dalam proses pembelajaran dapat membantu dan memudahkan sebarang proses komunikasi seperti tutur kata atau perkataan. Visual juga boleh dikatakan sebuah imej atau sebuah gambar yang tidak bergerak. Sesuatu visual yang dipaparkan boleh diolah untuk memberi makna yang pelbagai. Justeru, visual menjadi bahan yang tidak asing lagi dalam pendidikan dan berperanan besar untuk menerangkan, menarik minat serta memberi maklumat sewaktu proses pembelajaran.

Penyelidik merasakan betapa pentingnya kajian terhadap ilustrasi dalam buku teks sekolah kanak-kanak dijalankan untuk melihat perubahan dan perkembangan ilustrasi yang sering digunakan untuk buku cetakan kanak-kanak. Sekiranya buku teks yang dihasilkan kurang mengambil berat mengenai aspek visual dan ilustrasi para pelajar sekolah rendah pasti kurang berminat sewaktu proses pembelajaran berlangsung kerana kepentingan visual dilihat sangat penting dari segi penyampaian mesej dan membantu kefahaman para pelajar. Tambahan pula untuk menerbitkan

buku teks sekolah bagi kanak-kanak, persembahannya mestilah menarik dan tidak terhad kepada penulisan semata-mata.

Bersesuaian dengan perkembangan dunia pendidikan, penerbitan buku teks selepas kemerdekaan negara Malaysia pasti mengalami perubahan dari tahun ke tahun. Penyelidik berasakan selepas kemerdekaan Malaysia, pastinya banyak dasar yang berubah maka serba sedikit akan merubah sektor pendidikan negara. Dasar Pendidikan Negara berkait rapat dengan penerbitan buku secara amnya lebih-lebih lagi mengenai kurikulum untuk buku teks. Hal ini kerana, penghasilan buku teks sekolah adalah bergantung pada kurikulum yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan. Kaitan kurikulum dalam buku teks tidak akan dilihat kerana penyelidik hanya fokus pada aspek visualisasinya sahaja bergantung pada kandungan dalam buku teks lepas yang telah dipilih.

1.2 Pernyataan Masalah

Penyelidikan tentang keberkesanan buku teks sekolah memang banyak dijalankan tetapi penyelidikan mengenai ilustrasi dalam buku teks dari aspek grafik dan elemen penggunaannya tidak banyak dijalankan di negara ini. Sebagai bahan pengajaran utama guru di dalam bilik darjah dan rujukan murid dalam proses pembelajaran, buku teks berperanan menterjemahkan kehendak kurikulum ke dalam bentuk yang mudah difahami.

Perkara yang paling teruk mengenai buku teks mengikut pendapat pelajar ialah buku teks benar-benar membosankan. Daripada satu perkara yang amat dekat dan

berharga terhadap seorang pelajar sebaliknya buku teks cenderung menjadi satu hal yang menyebabkan mereka bosan dan cepat mengantuk (Schudson, 1994). Kebosanan ini seringkali dikaitkan dengan persembahan sesebuah buku yang dihasilkan apabila tidak mengambil kira aspek reka bentuk grafik dalam rekaan mahupun aspek persembahan isi kandungan teks dalam buku yang dihasilkan.

Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP, 1997), Kementerian Pelajaran Malaysia telah menjalankan satu kajian kes tentang minat membaca dalam kalangan murid sekolah rendah pada tahun 1997. Dapatan kajian Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP, 1997) menunjukkan bahawa tahap membaca dalam kalangan murid sangat rendah dan salah satu penyumbanganya adalah bahan bacaan yang tidak menarik. Cara persembahan dalam buku teks boleh mempengaruhi minat pelajar dalam pelajaran. Antara aspek persembahan yang diberikan perhatian dalam penghasilan buku kanak-kanak adalah penggunaan ilustrasi. Penyediaan bahan bacaan mengikut tahap bacaan kanak-kanak adalah amat penting. Ini bukan hanya memudahkan pembacaan kanak-kanak tetapi juga menggalakkan minat membaca dalam kalangan kanak-kanak.

Ahmad Jusoh (1998) menyatakan dalam kajiannya mengenai kualiti buku teks Pendidikan Islam KBSM bahawa buku teks berkenaan lebih mengutamakan penyampaian isi pelajaran sehingga menyetepikan aspek ilustrasi dan penyampaian isi lebih banyak menggunakan kaedah perenggan menyebabkan kandungan buku teks kelihatan tidak menarik. Apabila sesebuah buku dimuatkan dengan teks yang penuh dan kurang mengandungi ilustrasi pasti akan menyebabkan suasana pembelajaran menjadi hambar.

Tajul Ariffin (2000) dalam kajiannya menyatakan antara isu berbangkit mengenai kualiti buku teks salah satunya ialah persembahan yang menarik dan sesuai dengan perkembangan dunia penerbitan. Untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran yang menarik, penggunaan buku teks yang berkualiti sangat penting. Penggunaan ilustrasi dalam buku teks pada waktu kini dengan buku teks pada waktu dahulu menjadi tanda tanya penyelidik. Walaupun pada zaman ini telah banyak percetakan buku secara digital yang dikatakan mampu membuat sesebuah buku itu tampak lebih menarik dengan pelbagai jenis bentuk ilustrasi, akan tetapi penggunaan ilustrasi pada zaman sebelum era percetakan digital mempunyai impak yang tersendiri ke atas industri pendidikan negara. Tambahan pula kajian yang mengimbas mengenai ilustrasi dalam buku-buku teks lama tidak banyak dijalankan. Oleh yang demikian, tajuk penyelidikan iaitu ilustrasi dan visual dalam buku teks sekolah rendah yang dijalankan adalah penting bagi memastikan sejauh mana elemen grafik yang digunakan pada zaman pra desktop, sebelum kewujudan penghasilan buku secara digital.

Buku teks di Malaysia mula diguna pakai secara meluas pada penjajahan kerajaan British di Tanah Melayu pada akhir abad ke-19. Perkembangan mula dilihat apabila Inggeris memperkenalkan sistem pendidikan vernakular yang mewujudkan sejarah baru dalam industri penghasilan buku teks di sekolah-sekolah tempatan. Buku teks mula digunakan secara meluas ke semua sekolah mengikut standard yang telah ditetapkan. Selepas kemerdekaan negara Malaysia, sistem pendidikan di Malaysia mengalami perubahan yang ketara apabila dasar pendidikan negara digubal pada peringkat pusat oleh Kabinet, Kerajaan dan Kementerian Pendidikan melalui satu Jawatankuasa. Tujuannya ialah untuk membentuk satu sistem pendidikan yang seragam dan boleh diterima pakai di seluruh negara.

Perkembangan pendidikan pada waktu tersebut paling ketara antara tahun 1970 an hingga tahun 1990 an. Tahun 1970 hingga 1990 merupakan era penyusunan semula sistem pendidikan di Malaysia selepas kemerdekaan negara. Usaha dan tumpuan yang lebih diberikan oleh pihak kerajaan bagi mencapai matlamat membina sebuah masyarakat yang bersatu padu yang mempunyai identiti sendiri.

Oleh itu, pemilihan tempoh diantara sela masa sepuluh tahun tersebut iaitu tahun 1974 hingga 1984 diharapkan penyelidikan yang dijalankan dapat melihat penghasilan ilustrasi dalam buku teks pada waktu tersebut. Pemilihan zaman pra desktop kerana penyelidik ingin melihat perkembangan dan penggunaan ilustrasi pada waktu tersebut sebelum penggunaan komputer ke atas percetakan buku teks pelajaran di Malaysia.

Kajian ini meninjau sejauh mana buku teks sekolah rendah yang diterbitkan di Malaysia sepanjang tempoh masa sepuluh tahun, iaitu bermula pada tahun 1974 hingga 1984 menggunakan elemen visual dan ilustrasi. Penggunaan elemen asas visual iaitu garisan, warna, rupa, bentuk, jalinan dan ruang akan dinilai. Selain itu, jenis-jenis penggunaan seperti lakaran, catan, penggunaan jadual, gambar foto, gambar rajah dan ragam ilustrasi yang di guna pakai akan dikenal pasti.

Secara umumnya, walaupun kajian ini hanya akan melihat tahun-tahun yang tertentu dalam sela waktu yang ditetapkan, namun hakikatnya penggunaan ilustrasi yang digunakan dalam buku di Malaysia telah wujud sejak tahun 1849 lagi (Suhaimi, 2002). Menyedari hakikat pentingnya bahan lama dikaji dan dibukukan maka penyelidik ingin menggalas tanggungjawab dan menjalankan penyelidikan mengenai ilustrasi pada bahan atau buku-buku teks lama. Dalam menjadikan buku teks sebagai satu perkara yang penting dan bernilai untuk dijadikan rujukan dan salah satu

khazanah perkembangan negara maka buku teks wajar didokumenkan. Peringkat perkembangan buku teks pendidikan negara Malaysia serba sedikit mencerminkan tahap perkembangan ilustrasi yang turut berlaku dari tahun ke tahun. Diharapkan dengan adanya kajian ini, kita dapat melihat penggunaan dan ragam ilustrasi dalam buku teks sekolah pada zaman tersebut.

1.3 Definisi Istilah

Dalam kajian ini, terdapat beberapa istilah yang diguna pakai bagi menerangkan maksud yang sesuai kepada kajian ini. Berikut dijelaskan definisi istilah dan konsep penting yang diguna pakai dalam kajian ini. Definisi dan penjelasan yang lebih lanjut akan dijelaskan di dalam bab kajian literatur dengan penjelasan penuh mengenai kajian yang dijalankan.

1.3.1 Ilustrasi

Fleishman (2004) ilustrasi adalah sejenis penjelasan melalui proses seni dalam bentuk lukisan, gambar foto mahupun gambar rajah. Dalam konteks penerbitan buku, ilustrasi merangkumi bidang yang lebih luas meliputi segala jenis lakaran, graf, gambar rajah, gambar foto, pelan, peta, segala rajah berbentuk teknikal dan lain-lain.

Untuk menghasilkan ilustrasi yang baik, penggunaan elemen dan prinsip reka bentuk harus diguna pakai secara menyeluruh. Seorang ilustrator harus memiliki pengetahuan yang mendalam mengenai perkara asas reka bentuk.

1.3.1.1 Elemen asas reka bentuk

Terdapat enam elemen asas dalam reka bentuk bagi menghasilkan ilustrasi yang baik iaitu garisan, warna, rupa, bentuk, jalinan dan ruang.

Garisan ialah satu deretan titik yang bersambung-sambung dan boleh diolah untuk mencipta rupa, jalinan, ton, corak dengan tujuan untuk menimbulkan bentuk, ruang, dan pergerakan. Terdapat pelbagai jenis bentuk garisan yang boleh dihasilkan untuk memberi makna tertentu dalam menghasilkan ilustrasi seperti garisan menegak, garisan putus-putus, garisan beralun dan sebagainya.

Warna merupakan unsur yang sangat penting dalam penghasilan ilustrasi. Warna dapat diperolehi dimana-mana sahaja. Warna juga mempengaruhi personaliti dan psikologi seseorang. Warna terbahagi kepada tiga kumpulan utama iaitu warna harmoni, warna penggenap dan warna sewarna. Warna harmoni ialah warna bersebelahan dalam roda warna dan dikatakan sebagai warna sekeluarga, selesa dan seimbang. Warna penggenap ialah warna yang bertentangan dalam roda warna yang menimbulkan kesan segar, kaya, kontra, getaran dan pergerakan. Warna sewarna pula hanya satu warna yang mempunyai pelbagai ton seperti daripada terang kepada gelap. Warna juga mempunyai dua suhu warna iaitu warna panas dan warna sejuk. Warna panas ialah warna antara warna merah ungu hingga kuning hijau pada roda warna yang menimbulkan kesan bertenaga, garang, harapan, meriah dan sebagainya manakala warna sejuk pula ialah warna antara hijau hingga ungu pada roda warna yang menimbulkan kesan sejuk, sedih, damai dan tenang.

Seterusnya ialah elemen rupa. Rupa terbahagi kepada tiga bahagian iaitu rupa geometri, rupa organik, rupa positif dan negatif. Rupa geometri terdiri daripada rupa

bulat, segi empat, segi tiga dan rupa-rupa lain yang bersudut. Rupa geometri direka secara sengaja dan tidak timbul secara tidak sengaja. Rupa Organik pula ialah rupa bebas tanpa sudut. Rupa ini dapat diubah secara bebas. Rupa ini tidak direka cipta secara sengaja. Selain itu, rupa positif dan negatif adalah rupa yang diletakan di atas sesuatu permukaan. Rupa ini dinamakan sebagai rupa positif. Ruang di sekeliling rupa objek tersebut adalah rupa negatif.

Bentuk ialah lanjutan daripada pemahaman rupa. Elemen bentuk mempunyai keluasan, ketinggian, jisim dan lebih daripada satu permukaan. Bentuk terbahagi kepada dua iaitu bentuk konkrit dan bentuk ilusi. Bentuk konkrit merupakan bentuk objek sebenar yang bersifat tiga dimensi iaitu boleh disentuh, dilihat, dan dirasai. Bentuk konkrit tidak digunakan dalam penghasilan buku teks. Bentuk ilusi pula ialah bentuk visual yang bersifat dua dimensi yang digambarkan melalui lukisan, gambar dan banyak diguna pakai dalam penghasilan ilustrasi dalam buku.

Jalanan ialah kesan-kesan yang terdapat pada permukaan benda atau objek. Semua objek sama ada objek semula jadi atau buatan manusia mempunyai kesan jalinan pada permukaannya. Jalanan terbahagi kepada dua iaitu jalinan sentuh dan jalinan tampak. Jalanan sentuh ialah jalinan yang dapat dirasai dengan sentuhan tangan seperti kolaj dan arca. Jalanan tampak pula merujuk kepada jalinan yang hanya dapat dilihat tetapi tidak dapat dirasai dengan tangan seperti ilustrasi dalam buku atau gambar foto. Dalam seni visual, kesan jalinan dapat menimbulkan jisim dan bentuk. Karya yang mempunyai kesan jalinan akan kelihatan lebih menarik dan realistik.

Ruang ialah kawasan kosong di sekeliling objek, jarak antara dua objek, atau rongga dalam sesuatu objek. Ruang juga terbahagi kepada dua iaitu ruang nyata dan ruang tampak. Ruang nyata ialah ruang sebenar yang terdapat pada bentuk-bentuk

konkrit. Ruang tampak pula ialah ruang yang hanya dapat dilihat dalam seni tampak seperti lukisan atau ilustrasi di dalam buku.

1.3.1.2 Prinsip asas reka bentuk

Prinsip rekaan adalah kaedah atau pengolahan elemen seni untuk menimbulkan gambaran tertentu dalam gubahan seni visual. Prinsip rekaan terbahagi kepada tujuh iaitu harmoni, kontra, penegasan,imbangan, pergerakan, kesatuan dan kepelbagaian.

Dalam istilah seni, harmoni merupakan hasil ulangan elemen seni yang sesuai dan seimbang . Prinsip harmoni bertanggungjawab mewujudkan kesatuan dalam hasil karya. Terdapat pelbagai cara boleh dilakukan untuk menghasilkan prinsip harmoni. Antaranya ialah penyusunan elemen-elemen rupa bentuk yang menghala ke arah yang sama, penggunaan warna, rupa dan bentuk dari jenis yang sama.

Kontra wujud apabila penggunaan elemen-elemen yang bertentangan dalam sesuatu karya. Elemen yang bertentangan ini adalah lebih daripada satu jenis elemen. Ini akan menimbulkan kesan percanggahan dan dapat mewujudkan daya tarikan. Tujuan kontra ialah untuk menonjolkan sesuatu yang menarik perhatian audien dan seterusnya mesej yang hendak disampaikan dapat disampaikan dengan lebih berkesan.

Seterusnya ialah penegasan, prinsip ini wujud apabila terdapat penonjolan suatu idea ataupun tema dalam sesuatu reka bentuk supaya ia menjadi tarikan utama. Prinsip penegasan berfungsi untuk menarik perhatian, memberi fokus, dan menumpukan perhatian terhadap mesej utama yang ingin disampaikan dalam

penghasilan sesebuah ilustrasi atau karya seni. Prinsip penegasan dapat dihasilkan melalui penggunaan elemen seni yang kontra atau mengasingkan objek yang hendak ditegaskan.

Imbangan dalam prinsip rekaan bermaksud kesamaan dan kesepadanan dari segi berat, tarikan dan tumpuan. Imbangan adalah satu keadaan yang sebanding atau tidak berat sebelah yakni sama antara satu sama lain. Imbangan boleh dibahagikan kepada dua iaitu imbangan simetri dan imbangan tidak simetri. Imbangan simetri ialah elemen seni yang sama antara kiri dan kanan atau atas dan bawah. Imbangan simetri boleh ditentukan berdasarkan garis lurus yang dibina di tengah suatu objek. Sebaliknya jika kedua-dua bahagian itu tidak sama maka ia dipanggil imbangan tidak simetri.

Prinsip pergerakan merupakan susunan elemen-elemen seni secara berulang-ulang. Susunan ini menimbulkan irama atau ilusi pergerakan dalam gubahan sesuatu benda. Kesan-kesan pergerakan boleh dihasilkan oleh elemen garisan, rupa dan bentuk dengan fungsi untuk memberi kesan lebih hidup dan realistik terhadap sesuatu gubahan. Pergerakan ialah keadaan yang bergetar, bergoyang, berayun, berpancar, bersinar-sinar dan sebagainya. Pergerakan dapat dilihat melalui kesan angin, air, ombak dan sebagainya.

Prinsip rekaan kesatuan bermaksud satu tema atau satu idea bagi semua elemen dalam sesuatu karya seni. Kesatuan dapat menimbulkan suasana yang tenteram, teratur dan selesa. Kesatuan ialah percampuran pelbagai objek untuk membentuk satu objek yang lain atau objek yang lebih berfungsi dan mempunyai makna yang lebih bererti.

Kepelbagaian ialah penggabungan pelbagai elemen seni dan idea dalam sesuatu karya. Kepelbagaian menjadikan sesuatu ilustrasi itu menjadi menarik dan tidak membosankan dari segi visualnya. Akan tetapi, prinsip kepelbagaian tidak boleh digunakan secara keterlaluan kerana kesatuan sukar untuk dicapai serta menimbulkan kecelaruan dalam sesuatu hasil karya. Selain penggunaan pelbagai elemen seni, penggunaan pelbagai media serta teknik yang berbeza-beza juga boleh menimbulkan kepelbagaian.

1.3.2 Buku Teks

Definisi buku teks berdasarkan Kamus Dewan (1994) buku yang digunakan oleh pelajar sebagai buku rujukan yang standard untuk sesuatu mata pelajaran tertentu. Antara lain, buku teks merupakan buku yang menjadi sumber keperluan utama untuk guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Gulcan Numanoglu et al., 2009).

1.3.3 Bahasa Malaysia

Bahasa Melayu yang disebut sebagai bahasa Malaysia merupakan bahasa pribumi dan dilabel sebagai bahasa kebangsaan bagi negara Malaysia menurut Akta Bahasa Kebangsaan 1963/1967 (Portal Rasmi Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010). Menurut Akta Pendidikan 1996 (AKTA 550) Bahasa Kebangsaan ertinya bahasa Melayu seperti mana yang terkandung dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan. Makna bahasa menurut Kamus Dewan (1994) ialah satu alat perhubungan antara

seorang individu dengan individu yang lain dan bahasa Malaysia adalah bahasa yang digunakan oleh rakyat atau individu di Malaysia.

1.3.4 Sekolah Rendah

Sekolah rendah bermaksud sekolah permulaan untuk kanak-kanak (Kamus Dewan, 1994). Selain itu, rujukan dalam laman web Portal Rasmi Kerajaan Malaysia (2009) definisi sekolah rendah ialah permulaan pendidikan sekolah untuk kanak-kanak semasa mereka diusia enam tahun dan ia mengambil masa selama enam tahun untuk ke pendidikan yang seterusnya iaitu sekolah menengah. Ia terbahagi kepada dua peringkat iaitu tahap satu meliputi pelajar tahun satu, dua dan tiga, manakala tahap dua meliputi pelajar tahun empat, lima dan enam.

Oleh itu, bagi definisi keseluruhan tajuk tesis ini dapat diperjelaskan suatu bentuk penyelidikan untuk mengenal pasti dan meneliti penggunaan-penggunaan ilustrasi dalam buku teks Bahasa Malaysia untuk kanak-kanak tahun dua sepanjang tahun 1974-1984 pada peringkat sekolah rendah di Malaysia dalam tempoh masa yang telah ditetapkan.

1.4 Objektif Kajian

Buku teks adalah salah satu sumber yang penting untuk para pelajar memahami kandungan pembelajaran yang akan disampaikan oleh guru. Buku teks

digunakan sebagai bahan asas yang utama dan sumber maklumat mengenai mata pelajaran atau bidang yang tertentu dan kepentingannya memang tidak dapat dinafikan kerana buku teks juga mencerminkan nilai masyarakat, harapan dan cita-cita sesebuah negara menurut Portal Rasmi Kerajaan Pelajaran Malaysia, Bahagian Buku Teks (BBT, 2010).

Kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan telah dengan jelas diperuntukkan di bawah Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan sejak ia mula menjadi bahasa rasmi di Malaysia pada tahun 1968. Bahasa Melayu atau bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi negara Malaysia menjadi salah satu sebab penyelidik memilih buku teks Bahasa Malaysia sebagai bahan utama penyelidikan. Pelaksanaan oleh pihak Kementerian Pelajaran yang terhadap sukatan Buku Teks Bahasa Malaysia jelas memperlihatkan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama dalam pendidikan dan harus sentiasa dipelihara.

Dalam konteks ini, ilustrasi pula memainkan peranan yang sangat penting untuk memudahkan kefahaman para pelajar. Oleh sebab buku teks memainkan peranan utama dalam perkembangan bangsa dan pembelajaran di negara ini, maka kajian ini adalah suatu usaha untuk meninjau dan mengenal pasti bentuk ilustrasi yang telah digunakan pada masa tersebut iaitu selepas kemerdekaan di negara Malaysia dan sebelum era pra-desktop.

Sasaran penyelidikan ini ialah untuk melihat penggunaan elemen grafik yang terdapat dalam buku teks Bahasa Malaysia untuk sekolah rendah tahap satu (tahun dua) bermula tahun 1974 – 1984 untuk pelajar sekolah rendah. Sehubungan itu, penyelidikan ini akan merangkumi tiga objektif yang utama:

- a) Mengenal pasti elemen asas visual yang digunakan dalam buku teks bahasa Malaysia tahun 1974.
- b) Mengenal pasti elemen asas visual yang digunakan dalam buku teks bahasa Malaysia tahun 1984.
- c) Mengenal pasti jenis-jenis ilustrasi yang digunakan dalam buku teks bahasa Malaysia tahun 1974.
- d) Mengenal pasti jenis-jenis ilustrasi yang digunakan dalam buku teks bahasa Malaysia tahun 1984.
- e) Kajian ini akan mengenalpasti “trend” atau ragam ilustrasi yang berlaku sepanjang tempoh masa tersebut.

1.5 Persoalan Kajian

Buku teks adalah salah satu sumber yang penting untuk para pelajar memahami kandungan pembelajaran yang akan disampaikan oleh guru. Dalam penyelidikan ini, penyelidik akan melihat persoalan berdasarkan pada objektif kajian.

- a) Apakah jenis elemen visual yang diguna pakai dalam buku teks Bahasa Malaysia tahun 1974?

- b) Apakah jenis elemen visual yang diguna pakai dalam buku teks Bahasa Malaysia tahun 1984?
- c) Apakah jenis penggunaan ilustrasi yang ditemui dalam buku teks Bahasa Malaysia tahun 1974?
- d) Apakah jenis penggunaan ilustrasi yang ditemui dalam buku teks Bahasa Malaysia tahun 1984?
- e) Apakah ragam atau trend yang berlaku terhadap ilustrasi dalam buku teks sekolah rendah sepanjang tempoh masa yang ditetapkan bagi kedua-dua buku teks tersebut.

1.6 Skop Kajian

Kajian ini merupakan satu fokus terhadap aspek ilustrasi dalam buku teks. Menerusi penyelidikan ini penyelidik telah memilih untuk memfokuskan visual dan ilustrasi dalam buku teks sekolah rendah sahaja. Berbalik dengan kanak-kanak, mereka sememangnya lebih berminat untuk belajar menggunakan buku yang mengandungi bergambar. Gambar atau buku ilustrasi dapat mengalakkan perkembangan pembacaan kanak-kanak. Maka sesuai dengan pemilihan buku teks sekolah rendah, ilustrasi dalam buku teks untuk kanak-kanak akan diteliti berdasarkan aspek visual dan ilustrasi sahaja.

Penyelidik akan melihat penggunaan ilustrasi yang terdapat dalam buku teks Bahasa Malaysia bagi pelajar tahun dua sahaja. Penyelidik menumpukan kajian untuk subjek Bahasa Malaysia iaitu subjek wajib dan merupakan bahasa kebangsaan untuk negara Malaysia.

Aspek ilustrasi dalam konteks penyelidikan ini merujuk kepada enam elemen asas penghasilan ilustrasi iaitu garisan, warna, rupa, bentuk, jalinan dan ruang manakala jenis ilustrasi pula berdasarkan lukisan, lakaran dan sebarang jenis gambarajah seperti carta dan gambar foto yang digunakan dalam rekaan buku teks tersebut.

Penyelidik akan meninjau penggunaan keenam elemen visual yang digunakan dalam penerbitan buku teks tersebut disamping melihat jenis ilustrasi yang dihasilkan dalam buku teks dengan menganalisa setiap gambar yang terdapat dalam buku teks berkenaan dan merekodkan ragam dan dapatan ilustrasi yang berbeza bagi kedua buku teks Bahasa Malaysia pelajar tahun dua sepanjang sela masa yang ditetapkan.

1.7 Kepentingan Kajian

Hasil kajian ini dapat memberikan gambaran sebenar sejauh mana penggunaan ilustrasi digunakan dalam penerbitan buku-buku teks sekolah rendah selepas kemerdekaan di negara kita dan sebelum bermulanya penggunaan komputer dalam proses penerbitan buku. Ia diharap boleh dijadikan sebagai sumber rujukan untuk tujuan keilmuan mahupun bahan rekod rujukan untuk generasi akan datang.

Penyelidikan ini diharap dapat membantu para penerbit buku teks kanak-kanak sekolah rendah amnya, lebih-lebih lagi bagi buku teks yang diterbitkan untuk subjek bahasa Malaysia kerana setiap peringkat sekolah pasti akan menggunakannya kerana subjek bahasa Malaysia merupakan subjek wajib di semua sekolah. Oleh itu, sedikit sebanyak penggunaan elemen dan jenis penggunaan ilustrasi dalam buku teks bahasa kebangsaan tidak harus dipandang remeh.

Diharapkan hasil kajian yang dilakukan ini akan merangsang minat dikalangan penyelidik-penyelidik seni akan datang untuk membantu ahli akademik tempatan membuat penyelidikan lanjutan berhubung dengan buku teks sekolah iaitu dari segi visual dan ilustasinya. Antara lain, kajian ini juga diharap akan melengkapkan lagi kajian berhubung dengan visual dan ilustrasi dalam buku kanak-kanak yang pernah diterokai oleh sarjana terdahulu.

1.8 Rumusan

Penyelidikan ini berfokus pada penggunaan ilustrasi dalam buku teks yang memperlihatkan elemen dan jenis-jenis ilustrasi dalam buku teks sekolah rendah pada zaman 1970-1980 an. Dengan bermatlamat untuk mengkaji ilustrasi tersebut dalam hubungannya dengan perkembangan dan kesedaran ilustrasi dalam kalangan masyarakat tempatan pada masa itu.

Dalam bab ini penyelidik telah membincangkan latar belakang penyelidikan mengenai visual, ilustrasi dan buku teks. Diikuti dengan perbincangan mengenai pernyataan masalah, definisi tajuk, objektif dan persoalan kajian. Seterusnya penyelidik menyatakan skop dan kepentingan penyelidikan yang dijalankan. Dengan demikian, diharapkan bab ini telah memberikan pengenalan yang secukupnya kepada tajuk penyelidikan ini iaitu “Ilustrasi dalam Buku Teks Bahasa Malaysia Tahun Dua sepanjang tahun 1974 hingga 1984”.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.0 Pengenalan

Pengetahuan tentang bidang yang dikaji adalah sangat penting. Oleh itu, untuk memahami dan mengetahui dengan lebih lanjut lagi penyelidikan yang dijalankan maka penyelidik akan membincangkan mengenai penyelidikan yang telah dilakukan oleh penyelidik-penyelidik terdahulu. Penyelidik akan membuat rumusan terhadap bahan bertulis penyelidik-penyelidik lepas yang pernah dikaji oleh pengkaji tempatan dan luar negara berkaitan dengan ilustrasi dan buku teks sekolah.

Dalam bab ini, penyelidik akan meninjau terlebih dahulu mengenai ilustrasi dan kepentingannya dalam buku mengikut pendapat ahli akademik dalam dan luar negara dengan tujuan untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas tentang ilustrasi. Selain itu, aspek yang akan dilihat meliputi elemen dan jenis ilustrasi, dan penghasilan buku teks sekolah rendah untuk kanak-kanak. Seterusnya barulah penyelidik meninjau kajian-kajian yang berkaitan ilustrasi dalam buku teks yang telah dijalankan oleh penyelidik-penyelidik lepas.

Bahan kajian yang berkaitan dengan penyelidikan penyelidik akan dijadikan rujukan dan kajian utama dengan tujuan untuk mengelakkan penyelidik daripada melakukan penyelidikan terhadap sasaran yang sama dalam tempoh masa yang rapat. Selain itu tinjauan utama kajian lepas ini ialah untuk mendedahkan dapatan kajian

penyelidik-penyelidik lepas mengenai ilustrasi dalam buku dan membantu penyelidik membentuk kaedah penyelidikan yang akan digunakan.

2.1 Sejarah Perkembangan Ilustrasi

Sejarah perkembangan ilustrasi dipercayai berkembang selaras dengan perkembangan masyarakat dunia. Ilustrasi terawal dipercayai dilukis pada dinding-dinding gua atau dinamakan ilustrasi prasejarah iaitu dalam bentuk piktograf. Bermula dengan ilustrasi piktograf inilah para arkeologi menemukan tidak hanya lukisan atau lakaran tunggal tetapi dalam bentuk penceritaan dan berangkai yang banyak dilukis di dinding-dinding gua. Manusia pada masa dahulu berkarya atas imaginasi dan persepsi masing-masing. Mereka pada waktu itu, menggunakan bahan disekeliling dan persekitaran untuk menghasilkan karya seni. Ilustrasi awal pada zaman lampau melalui lukisan pada dinding gua ini merupakan salah satu konsep ilustrasi terawal yang dijumpai di serata dunia. Secara tidak langsung, keadaan ini jelas menunjukkan masyarakat dunia telah lama sedar mengenai ilustrasi.

Feldman (1992) menjelaskan seni wujud melalui kesan sejarah dan berkembang seiring dengan kemajuan manusia merupakan salah satu sebab ilustrasi mula diguna pakai dalam buku. Masyarakat awal pada masa dahulu mula menghasilkan buku menggunakan gulungan papyrus di Mesir sekitar abad 3000M (Lewis & Susan, 2009). Buku yang mempunyai ilustrasi dihasilkan pada waktu tersebut dipercayai untuk menceritakan mengenai upacara ibadat, aktiviti ritual dan amalan harian mereka.

Manakala ilustrasi yang paling awal dicetak adalah ilustrasi yang dijumpai pada tahun 868 dan berasal dari negara China seperti yang terkandung dalam buku Chinese Diamond Sutra (Terrance Dalley, 1990). Buku ini merupakan buku bergambar terawal yang dicipta daripada ukiran kayu yang mana ilustrasi diukir di atas blok kayu tersebut. Seterusnya, kemuncak perkembangan ilustrasi dunia terjadi sekitar abad ke-18 apabila revolusi membuat buku bacaan diperkenalkan dengan teknik litografi yang dinamakan cetakan “*offset*”. Melalui teknik ini imej yang ingin dihasilkan akan dicetak terlebih dahulu di atas plat logam kemudian dipindahkan kepada mesin sebelum dicetak secara banyak melalui proses litografi. Dengan kewujudan cetakan secara “*offset*” ini penerbitan bahan-bahan yang mengandungi ilustrasi dilihat semakin rancak dari waktu sebelumnya dan sehingga ke saat ini mesin cetak “*offset*” semakin berkembang pesat sesuai dengan kemajuan teknologi.

2.2 Ilustrasi di Malaysia

Di Malaysia, ilustrasi awal yang dijumpai dalam buku adalah Hikayat Abdullah yang dihasilkan oleh Abdullah bin Abdul Kadir. Hikayat Abdullah merupakan sebuah buku sastera yang paling awal dicetak iaitu pada tahun 1849 (Suhaimi, 2002). Perkembangan sastera Melayu seperti Hikayat Abdullah inilah yang mengawali perkembangan ilustrasi di Malaya.

Sehinggalah kedatangan British ke Malaya, sekolah-sekolah Inggeris mula menggunakan buku khas untuk pembelajaran sewaktu di dalam bilik darjah. Pada waktu tersebut Suhaimi (2002) beberapa jumpaan buku-buku awal yang mempunyai